



Kemelesetan Pandemik

Oleh ZULKIFLI SALLEH

KORONAVIRUS baharu yang dikesan di Wuhan, China pada akhir tahun lalu, merebak dengan pantas ke seluruh dunia. Tidak ada tanda bahawa wabak yang dikenali sebagai COVID-19 akan berundur sekurang-kurangnya hingga akhir tahun ini. Vaksin untuk merawat penyakit ini belum dapat dihasilkan, mungkin memerlukan masa setahun lagi. Respons untuk membendung wabak ini lebih tertumpu pada pencegahan, seperti kuarantin dan kawalan keluar masuk, yang dilaksanakan oleh banyak negara termasuk Malaysia dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan pada 18 Mac, selain kuarantin. Orang ramai pula, baik secara sukarela mahupun melalui arahan, memakai pelitup muka ketika mereka berada di luar rumah mereka.

Seperti pada 28 Jun, di seluruh dunia, lebih daripada 10 juta kes disahkan, lebih 500 ribu kematian dan hampir 5.5 juta orang pesakit

pulih. Amerika Syarikat yang sejak berbulan-bulan lalu, kekal di tempat yang pertama, dengan lebih 2.5 juta kes disahkan. Negara lain yang turut tersenarai dalam kalangan 10 negara teratas dari segi jumlah kes ialah Brazil, Rusia, India, United Kingdom, Sepanyol, Peru, Chile, Itali dan Iran. China yang pada suatu masa pernah menduduki tempat tertinggi di dunia, sudah lama tersingkir daripada senarai 10 negara teratas; demikian juga Perancis, Turki dan Jerman. Negara kita, Malaysia, pada suatu ketika tertinggi di Asean dari segi jumlah kes, kini menduduki tempat ke-70, jauh di belakang negara jiran, iaitu Indonesia, Singapura, dan Filipina.

Impak pandemik COVID-19 yang merebak ke 213 buah negara dan wilayah serta dua buah pengangkutan antarabangsa sungguh mendalam, bukan sahaja terhadap kesihatan awam tetapi juga terhadap pasaran, ekonomi, politik, dan hubungan antarabangsa. Dari segi

kehidupan harian pula, orang ramai perlu mengamalkan norma baharu.

Seperti yang ditegaskan oleh Joschka Fischer yang muncul dengan "*The Triple Crisis Shaking the World*" untuk *Project Syndicate*, "lebih daripada bencana kesihatan awam, pandemik COVID-19 merupakan peristiwa yang mentakrifkan sejarah dengan implikasi yang meluas terhadap agihan kekayaan dan kuasa global. Dengan ekonomi merudum dan ketegangan geopolitik meningkat, kemungkinan tidak akan pulang kepada normal: yang lalu biarkan berlalu, dan hanya masa depan yang dihitung sekarang."

Tambah Fischer, banyak seperti gelombang pertama pandemik, fasa akan datang bakal melibatkan tiga krisis serentak. Untuk risiko jangkitan baharu tidak terkawal dan merebak secara global sekali lagi mesti ditambah dengan guguran ekonomi dan sosial yang sedang berlangsung dan memuncakkan persengketaan geopolitik lagi.

Ekonomi global telah pun terjebak dalam kemelesetan yang dalam yang tidak dapat diatasi dengan segera atau mudah. Bersamanya dengan pandemik, akan menjadi faktor yang menegangkan perseteruan Sino-Amerika lagi, terutamanya pada bulan-bulan yang membawa kepada pilihan raya presiden Amerika Syarikat pada November ini.

Pandemik ini yang menyebabkan penguatkuasaan kawalan keluar masuk, menutup kilang dan menghalang orang ramai daripada ke sana ke mari. Ekonomi global menguncup. Industri penerbangan, pelancongan, dan perhotelan adalah yang paling awal terkena pukulannya kerana banyak negara bertindak menutup sempadan, melarang rakyat ke luar negara dan menyekat kemasukan rakyat asing. Oleh sebab berbilion-bilion orang terpaksa duduk rumah, maka perniagaan pelancongan merupakan satu daripada industri yang tidak bernasib baik.

Penjarakan sosial berkemungkinan berterusan sehingga vaksin dapat ditemukan menyebabkan selera orang ramai untuk bercuti ke negara asing mungkin memerlukan masa yang lama untuk pulih. Keadaan ini memberikan pukulan yang teruk terhadap negara yang bergantung pada industri pelancongan. Menurut *GZero*, terdapat 15 buah negara teratas di dunia yang bergantung pada industri ini untuk mengepam wang tunai dalam ekonomi mereka, dengan Filipina menduduki tangga teratas, iaitu 24.7 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Malaysia yang turut tersenarai, menduduki tangga kesembilan dengan 13.3 peratus KDNK.

Pandemik juga menjejaskan dengan teruknya permintaan global terhadap minyak kira-kira 29 juta tong sehari daripada kira-kira 100 juta tong sehari setahun lalu. Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan pengeluar lain bersetuju untuk mengurangkan pengeluaran sebanyak 9.7 juta tong sehari, jauh lebih kurang daripada kemerosotan permintaan.

Hal ini menyebabkan berlaku lebih banyak yang banyak dari segi bekalan minyak dalam pasaran dan tiada pembeli. Akibat permintaan yang terus merosot, firma minyak perlu mengambil langkah menyewa kapal tangki untuk menyimpan bekalan yang berlebihan dan memaksa harga minyak Amerika Syarikat memasuki wilayah negatif untuk kali pertama dalam sejarah, seperti yang berlaku pada Isnin 20 April. Penurunan harga ini menunjukkan bagaimana teruknya pasaran yang telah pun terumbang-ambing dihentak oleh krisis koronavirus. Pada hari itu, harga setong West Texas Intermediate (WTI), tanda aras bagi minyak jatuh serendah -AS\$37.63. Pada harga itu, bermakna peniaga membayar harga setong itu untuk penyerahan awal Mei.

Pada masa yang sama, niaga hadapan minyak mentah Brent adalah lebih baik, jatuh kira-kira lapan peratus kepada AS\$25.83 setong. Walau bagaimanapun, pada hari Selasa, harga melantun semula atas harga sifar, dengan WTI untuk Mei bertukar tangan pada harga A\$1.10 setong.

COVID-19 merupakan krisis kesihatan global yang tidak pernah dialami dalam kalangan

IMF
meramalkan
lebih 90 peratus
ekonomi membangun dan
pasaran sedang muncul
akan menanggung
kemerosotan pertumbuhan
pendapatan per kapita
tahun ini.

generasi kini. Pandemik ini mencetuskan kemelesetan ekonomi yang paling teruk dalam hampir satu abad dan menyebabkan kerosakan yang sangat besar terhadap kesihatan orang ramai, pekerjaan dan kemakmuran. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), dalam tinjauan terbarunya pada Jun, merendahkan dengan ketara ramalannya untuk pertumbuhan global pada tahun 2020 kerana IMF membayangkan kerosakan yang lebih teruk akibat coronavirus berbanding dengan tinjuannya hanya dua bulan lalu.

IMF meramalkan bahawa ekonomi akan menguncup 4.9 peratus pada tahun ini, secara signifikan teruk daripada tiga peratus jatuh yang dianggarkan oleh IMF dalam laporan sebelum ini, iaitu pada April. IMF memberitahu bahawa kerosakan ekonomi global akibat kemelesetan ini akan lebih teruk daripada berubah turun sejak Kemurungan Besar (*Great Depression*) pada dekad 1930-an. KDNK Amerika Syarikat dijangkakan menjunam lapan peratus tahun ini, bahkan lebih daripada anggaran kejatuhan oleh IMF sebanyak 5.9 peratus pada April.

IMF juga memaklumkan bahawa pandemik secara tidak seimbang memudaratkan isi rumah pendapatan rendah sebagai "membahayakan kemajuan signifikan yang dicapai dalam mengurangkan kemiskinan ekstrem di dunia sejak tahun 1990". Sejak beberapa tahun belakangan ini, perkadaran penduduk dunia yang hidup dalam kemiskinan ekstrem, iaitu bersamaan dengan kurang daripada AS\$1.90 sehari - jatuh di bawah 10 peratus daripada 35 peratus pada tahun 1990. Namun demikian, menurut IMF, krisis COVID-19 mengancam untuk menterbalikkan kemajuan yang dicapai itu. IMF meramalkan bahawa lebih 90 peratus ekonomi membangun dan pasaran sedang muncul akan menanggung kemerosotan pertumbuhan pendapatan per kapita pada tahun ini.

Sementara itu, Bank Dunia dalam laporannya, *Global Economic Prospect* yang diterbitkan pada 8 Jun, memberikan amaran bahawa pandemik mengheret ekonomi global ke dalam kancan kemelesetan yang dalam dari segi perkadaran sejarah dan tinjauan pemulihan menggerunkan, terutamanya bagi negara membangun. Laporan itu membandingkan

krisis ekonomi semasa dengan 13 kemelesetan yang lain yang melanda ekonomi global sejak tahun 1870. Kemelesetan kali ini merupakan yang pertama dicetuskan semata-mata oleh pandemik dan kemelesetan ini sangat besar.

Secara keseluruhan, menurut laporan itu, ekonomi dijangkakan menguncup 5.2 peratus pada tahun ini yang meletakkan kita di tengah-tengah kemelesetan yang dalam sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua, kali terakhir kejatuhan dapat dibandingkan. Kemelesetan ini menjejaskan lebih banyak negara jika dibandingkan dengan mana-mana kemelesetan yang berlaku sejak tahun 1870, bahkan ketika kemuncak Kemurungan Besar.

Bagi negara yang dicirikan oleh Bank Dunia sebagai "ekonomi pasaran sedang muncul dan ekonomi membangun," inilah kali pertama ekonomi berkenaan mengalami kemelesetan sebagai kumpulan dalam masa sekurang-kurangnya 60 tahun. "Hal ini menunjukkan bahawa bagaimana dalam, bagaimana luas, dan bagaimana diselaraskan krisis ini," kata Ayhan Kose, Pengarah Prospects Group Bank Dunia.

Ahli ekonomi juga berasa prihatin akan cepatnya tinjauan ekonomi merosot berbanding dengan kemelesetan sebelum ini. Pada Februari, peramal masih menjangkakan ekonomi tumbuh pada tahun ini. Akan tetapi, dalam beberapa minggu sahaja, pandangan itu berubah kerana banyak negara menguatkuasakan kawalan keluar masuk dan kegiatan ekonomi terhenti.

Semua ini berlaku meskipun "sokongan dasar yang tidak pernah berlaku sebelum ini" daripada kerajaan dan institusi peminjaman yang "telah pun melebihi" sokongan yang diperkenalkan ketika krisis kewangan tahun 2008-2009, demikian menurut laporan itu. Banyak negara melaksanakan program jaringan keselamatan sosial berskala besar dan merendahkan kadar faedah. Pembiayaan dan pinjaman daripada institusi, seperti IMF

Bank Dunia menjangkakan hingga 60 juta orang yang keluar daripada kancan kemiskinan boleh diasak bawah garis kemiskinan ekstrem kerana kehilangan pendapatan berpunca daripada pandemik.

dan Bank Dunia, menurut Danny Leipziger, profesor perniagaan antarabangsa di George Washington University dan mantan naib presiden Bank Dunia adalah "luar biasa dan di luar kebiasaan".

Berpuluh-puluh juta orang akan diasak semula ke dalam kancah kemiskinan. Bank Dunia dengan meramalkan bahawa ekonomi sedang muncul dan ekonomi membangun akan merosot sebanyak 2.5 peratus pada tahun ini yang tidak kelihatan seburuk kemerosotan purata global (5.2 peratus) atau negara pendapatan tinggi (tujuh peratus). Akan tetapi, kadar ini berbeza antara wilayah, misalnya Amerika Latin dan Caribbean, yang termasuk dalam kategori itu, diunjurkan menguncup sebanyak 7.2 peratus.

Selain itu, di negara pendapatan rendah, terdapat lebih banyak orang yang hidup sekitar garis kemiskinan, sama ada bawah ataupun sekadar atas sedikit. Kejutan yang kecil sekalipun dalam negara pendapatan rendah boleh menyebabkan kesan yang sangat besar untuk meletakkan orang ramai dalam kemiskinan. Bank Dunia menjangkakan hingga 60 juta orang yang keluar daripada kancah kemiskinan boleh diasak bawah garis kemiskinan ekstrem kerana kehilangan pendapatan berpunca daripada pandemik.

Menurut Organisasi Ekonomi dan Kerjasama Pembangunan (OECD), berikutan pengenalan langkah pembendungan COVID-19 di serata dunia dan berdasarkan anggaran sementara, KDNK sebenar dalam kawasan G-20 jatuh sebanyak 3.4 peratus pada suku pertama tahun 2020, penguncupan terbesar sejak siri masa bermula pada tahun 1998. Sebagai perbandingan, KDNK jatuh hanya sebanyak 1.5 peratus pada suku pertama tahun 2009 pada kemuncak krisis kewangan.

Dalam kalangan ekonomi G-20 yang memperkenalkan langkah kawalan keluar masuk yang ketat paling awal telah mengalami

penguncupan terbesar dalam KDNK pada suku pertama tahun 2020: China (tolak 9.8 peratus) serta Perancis dan Itali (tolak 5.3 peratus di kedua-dua buah negara). KDNK juga jatuh ketara di Jerman (tolak 2.2 peratus), Kanada (tolak 2.1 peratus), dan United Kingdom (tolak 2.0 peratus), manakala Brazil (tolak 1.5 peratus), Amerika Syarikat dan Korea Selatan (tolak 1.3 peratus, di kedua-dua buah negara), dan Mexico (tolak 1.2 peratus).

Penguncupan kurang mendalam di Indonesia (tolak 0.7 peratus), Jepun (tolak 0.6 peratus), dan Australia (tolak 0.3 peratus). Hanya India dan Turki dua ekonomi G-20 yang mencatatkan pertumbuhan positif pada suku pertama 2020, masing-masing 0.7 peratus dan 0.6 peratus. Secara tahunan, KDNK dalam kawasan G-20 menguncup sebanyak tolak 1.5 peratus pada suku pertama tahun 2020, menyusuli pertumbuhan 2.8 peratus pada suku tahun sebelum ini. Dalam kalangan ekonomi G-20, Turki mencatatkan pertumbuhan tahunan yang tinggi, iaitu 4.4 peratus, manakala mencatatkan penguncupan tahunan terbesar, iaitu tolak 6.8 peratus.

Sementara itu, Malaysia meskipun harga minyak yang rendah, gangguan rantaian bekalan, kemelut politik yang menyaksikan kerajaan Pakatan Harapan runtuh pada 24 Februari dan pucuk pimpinan diambil alih oleh Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, serta ancaman pandemik COVID-19, masih mampu mencatatkan pertumbuhan 0.7 peratus pada suku pertama tahun 2020. Meskipun mencatatkan pertumbuhan yang lemah, kadar ini mengejutkan banyak pihak kerana diramalkan ekonomi negara akan menguncup dalam tempoh tersebut, mengatasi jangkaan median tolak 0.1 peratus.

Perlu dinyatakan akibat COVID-19, kerajaan memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 bernilai RM20 bilion pada 27 Februari untuk "menyelamatkan" industri pelancongan yang terjejas teruk dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat bernilai RM250 bilion sebulan kemudian. Walau bagaimanapun, kedua-dua pakej rangsangan itu dijangkakan mula memberikan impak pada suku kedua berbanding dengan suku pertama tahun ini. •

Kerajaan memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 bernilai RM20 bilion untuk "menyelamatkan" industri pelancongan yang terjejas teruk dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat bernilai RM250 bilion.